

## UNGKAP PERMASALAHAN SEKTOR PELANCONGAN, INDUSTRI HALAL

- ANTARA tujuan penandatanganan tersebut untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang penempatan kerja bagi pelajar UNISSA, bengkel-bengkel, seminar-seminar dan forum juga mana-mana bidang berkaitan.
- DENGAN maklumat yang dikumpulkan daripada forum tersebut, ia akan memberikan panduan mengenai situasi dan senario yang berlaku dalam sektor pemakanan juga pelancongan tempatan, seterusnya, ia dapat membuka minda masyarakat tentang peranan dan kepentingan halal dalam mengatasi isu-isu juga cabaran semasa.

Siaran Akhbar dan Foto :  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 20 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thaiyyabah mengadakan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Syarikat HalalSalam Corporation (B) Sdn. Bhd., pada Khamis, 5 Syaaban 1442 Hijrah bersamaan 18 Mac 2021 Masihi, di Auditorium, UNISSA, di sini.

Penandatanganan bagi pihak UNISSA, diwakili oleh Pemangku Pendaftar, Dayang Zalinawati bin Haji Mohaimin; dan Dekan Pusat Penyelidikan Halalan Thaiyyabah, Profesor Madya Dr. Nurdeng Deuraseh selaku Pengerusi Majlis.

Manakala bagi pihak HalalSalam Corporation (B) Sdn. Bhd. ditandatangani oleh Pengarah Urusannya, Awang Haji Sabri bin Haji Mohd. Taha; dan Pengurus Eksekutif, Awang Haji Matassan bin Haji Abdul Salim.

Juga hadir pada majlis tersebut, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfian bin Haji Zainal.

Antara tujuan penandatanganan tersebut adalah untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang penempatan kerja bagi Pelajar UNISSA, bengkel-bengkel, seminar-seminar dan

forum juga mana-mana bidang berkaitan.

Majlis diteruskan lagi dengan Acara Pembentangan Forum, bertemakan 'Kesan Sektor Pemakanan dan Pelancongan Halal dalam musim COVID-19'.

Dalam tempoh pandemik COVID-19, terdapat banyak masalah yang timbul dalam pemakanan halal dan pelancongan. Oleh itu, forum itu akan membantu dan memberi lebih banyak maklumat untuk mencari jalan alternatif untuk mengatasi masalah yang berlaku, di sektor halal dan pelancongan.

Virus Korona atau COVID-19 memberi impak kepada pengguna industri, di seluruh dunia menyebabkan kesan yang luar biasa dalam komunikasi pemasaran, ekosistem perniagaan domestik dan antarabangsa, yang menyebabkan beberapa syarikat mengalami kerugian besar dalam jumlah penjualan mereka.

Dengan maklumat yang dikumpulkan daripada forum tersebut, ia akan memberikan panduan mengenai situasi dan senario yang berlaku dalam sektor pemakanan juga pelancongan tempatan, seterusnya, ia dapat



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) (tengah) pada sesi bergambar ramai, pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman UNISSA melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thaiyyabah bersama Syarikat HalalSalam Corporation (B) Sdn. Bhd.

membuka minda masyarakat tentang peranan dan kepentingan halal dalam mengatasi isu-isu juga cabaran semasa.

Forum berkenaan diadakan untuk mengumpulkan pakar dan pengamal industri bagi membincangkan peranan halal ketika dunia dikejutkan dengan wabak COVID-19, pada tahun 2019.

Ahli panel, antara lain menjelaskan objektif yang timbul semasa pandemik COVID-19, seperti kebimbangan mengenai bekalan makanan yang bersih, permintaan makanan yang halal dan berkurangnya jemaah haji juga jumlah kerugian, di sektor pelancongan.

Objektif forum tersebut ialah untuk mengungkap permasalahan

semasa, yang berlaku di sektor pelancongan dan industri halal, di seluruh dunia juga membincangkan kepentingan aspek Halalan Thayyiban sebagai usaha menjaga integriti agama, termasuk memberikan pengetahuan dan kesedaran tentang peranan halal semasa pandemik juga memperkuatkkan kerjasama dalam strategik Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban.

### HALUAN

## Pastikan perkembangan kanak-kanak optima, kualiti kehidupan terbaik

Dari muka 2

Dalam masa yang sama, perkembangan kanak-kanak, bukan sahaja memerlukan intervensi dari segi kesihatan, malahan penglibatan daripada pelbagai pihak, termasuk dari sektor kerajaan, seperti Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pembangunan Masyarakat; sektor bukan kerajaan, dan penglibatan para ibu bapa atau penjaga adalah sangat penting, di mana mereka ini sememangnya memerlukan sokongan yang padu agar mereka empowered atau diperkasa untuk memberikan penjagaan yang terbaik bagi anak-anak mereka.

Akhirnya, di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua penaja atas sumbangan, sokongan dan kerjasama yang diberikan bagi menjayakan pembinaan Pusat Perkembangan Kanak-Kanak ini. Sumbangan yang diberikan ini, jelas sekali menunjukkan keprihatinan dalam sama-sama membantu meningkatkan perkembangan kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam. Marilah kita sama-sama Menjayakan Potensi Kanak-Kanak, demi masa depan mereka yang lebih cerah.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## Sembahyang suci kan jiwa



**PENGARAH** Pusat Pengkajian Jawi dan Kitab Turath, KUPU SB, Dr. Haji Harapandi bin Dahri menyampaikan Ceramah Khas.

**RIMBA**, Sabtu, 20 Mac. - Semasa peristiwa Israk dan Mikraj, Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah terdahulu menerima perintah sembahyang lima waktu sehari semalam daripada Allah Subhanahu Wata'ala secara terus, yang bertujuan agar umatnya akan terus bertakwa kepada Allah.

Sembahyang yang sempurna mampu menghindarkan seseorang itu daripada melakukan perbuatan yang sia-sia, di mana sembahyang yang didirikan dengan bersungguh-sungguh dengan baik dan sempurna mampu menyucikan jiwa juga akan meraih pahala.

Perkara tersebut merupakan sebahagian daripada inti pati Ceramah Khas sempena Israk dan



**PEGAWAI** Hal Ehwal Masjid, Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Mohd. Yassin bersama jemaah mendengarkan Ceramah Khas sempena Israk dan Mikraj, di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Mikraj, bertajuk 'Rasakan Syurga dalam Solatmu', yang diadakan di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, di sini.

Hadir menyampaikan Ceramah Khas tersebut, Pengarah Pusat Pengkajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Harapandi bin Dahri.

Tambah beliau, lagi amalan sembahyang merupakan tiang agama dan merupakan amalan

yang pertama sekali bakal dihitung di akhirat kelak. Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran Surah Al-Isra', bermula dari ayat 1 hingga 4, oleh Awang Mohammad Hamiz Mirza bin Haji Sudirman.

Antara yang hadir menyertai para jemaah pada majlis anjuran masjid tersebut, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Mohd. Yassin.

## MEMPERKENALKAN LAMAN MEDIA SOSIAL BAHRU PELITA BRUNEI



Pelita Brunei



pelitabrunei



pelitabrunei

Jangan lupa untuk *like* dan *follow* laman media sosial kami